

ABSTRAK

Kajian "KONSEP ISLĀH MENURUT AL-QUR'AN. SUATU KAJIAN TERHADAP PELAKSANAANNYA DALAM PERTUBUHAN JAMAAH ISLAH MALAYSIA (JIM)" merupakan sebuah disertasi untuk memenuhi keperluan Ijazah Sarjana Usulūddīn, Jabatan al-Qur'an dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur 2004. Kajian ini menggabungkan kajian kepustakaan dan kajian lapangan dengan mengambil pendekatan tafsīr mawḍū'ī atau tafsir bertema. Kajian ini menyelidik konsep dan skop islāh daripada al-Qur'an dan mengkaji strategi dan program Pertubuhan Jamaah Islah Malaysia (JIM) yang berkaitan pembinaan insan. Kajian ini merumuskan bahawa islāh menurut al-Qur'an merujuk kepada usaha-usaha memperbaiki dan mengelokkan prestasi amal individu, hubungan kemanusiaan dan kualiti hidup individu dan masyarakat dengan cara dan pendekatan tertentu. Dengan itu, kajian ini mencadangkan supaya pendekatan al-Qur'an perlu dicontohi dalam program-program pembinaan insan di peringkat maktab perguruan dan lain-lain. Dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa program-program pembangunan insan yang dijalankan JIM secara amnya adalah selaras dengan konsep islāh dalam al-Qur'an. Namun begitu, ada beberapa aspek yang tidak diberi fokus yang sewajarnya atau kurang menonjol pelaksanaannya. Justeru itu, kajian ini mencadangkan supaya JIM memasukkan aspek-aspek tersebut dalam perancangannya supaya dengan itu akan menepati konsep dan pendekatan islāh menurut al-Qur'an.

ABSTRACT

The research entitled "THE CONCEPT OF ISLĀH ACCORDING TO AL-QUR'AN. A RESEACH CONCERNING ITS IMPLEMENTATION IN PERTUBUHAN JAMAAH ISLAH MALAYSIA (JIM)", is a dissertation to fulfill the requirement of ³Masters of Usuluddin, Division of Usuluddin Studies, Department of al-Qur'an and al-Hadith, Academy of Islamic Studies, University Malaya, Kuala Lumpur, 2004. This research united the library and field researches exploiting the approach of "thematic interpretation of al-Qur'an". The research investigated the concept and scopes of islāh or reformation from the al-Qur'an and explored the strategies and programmes of JIM in relation to the human development. This research concluded that islāh according to al-Qur'an refers to the efforts in reforming, improving and the betterment of individual performance in Islamic practice, human relationship and quality of life. With that, this research suggested the approach of al-Qur'an is necessary to be followed in human development programmes in college level and others. The finding also showed that the programmes conducted by JIM generally, are in accordance to the islāh concept in the al-Qur'an. Even so, certain aspects were not given appropriate focus or unobstrusively implemented. Therefore, this research suggested that JIM should include those aspects in the planning so that it conforms to the concept and approaches of islāh in the al-Qur'an.